

Prompter disediakan

TEKS UCAPAN

YANG AMAT BERHORMAT

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI &

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

PROGRAM PEMERKASAAN MASYARAKAT MADANI

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

9 JANUARI 2025 (KHAMIS)

12.30 TENGAHARI

DEWAN SERI LESTARI

ARAS B1, KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA & WILAYAH

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Salam Luar Bandar Sejahtera.

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMAH

1. Hari ini, kita berkumpul untuk meraikan sebuah institusi yang telah menjadi penggerak utama kepada pembangunan masyarakat desa di Malaysia. Selama 64 tahun penubuhannya, KEMAS telah memainkan peranan penting dalam merubah lanskap pedesaan. Bermula dengan menyelesaikan masalah buta huruf - KEMAS kini lebih sinonim dikenali dengan tiga cabang besar peranannya iaitu **pembangunan modal insan, peningkatan sosial dan pemangkin ekonomi desa.**

2. Tidak keterlaluan untuk saya katakan setelah lebih 6 dekad berlalu KEMAS adalah **agen transformasi desa** yang tiada tolok bandingnya - sentiasa komited dalam menjalankan tanggungjawabnya demi kesejahteraan masyarakat desa.

3. Malah sejak saya mengenali KEMAS, sehingga ke hari ini, ia terus **menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara** – dan aspirasi ini terus saya garapkan sejak diberikan amanah menjaga institusi penting rakyat di kampung dan desa.

4. Sebagai seorang pemimpin, saya percaya bahawa kejayaan membina sebuah negara tidak hanya diukur melalui **megahnya bangunan pencakar langit, tetapi melalui usaha memupuk jiwa dan minda**. Jadi, selalu saya tekankan untuk melihat masa depan negara, lihatlah kepada kemakmuran sebuah komuniti desa.

5. Kehebatan sebuah bangsa terletak pada kekuatan masyarakatnya – dan bagi mencapai semua ini, saya melihat KEMAS perlu terus menjadi **nadi perubahan desa** - *menyulam harapan dengan ilmu, membina masyarakat dengan kemahiran, dan mengukir kemakmuran dengan dedikasi yang berpanjangan.*

Dari Desa ke Dunia: Meneroka Potensi Bersama KEMAS

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Tahun 2024 baru sahaja melabuhkan tirainya, meninggalkan kita dengan pelbagai pencapaian membanggakan. **KEMAS terus unggul di persada antarabangsa** apabila berjaya menerima pengiktirafan **Antarabangsa Gold Award – Reader's Digest Trusted Brand** buat kali **kelima** sebagai jenama yang paling dipercayai pilihan pengguna. Malah, kita mencipta sejarah baharu dengan pencapaian **Malaysia Book of Records – The Largest Children Participation in J-Robic Event 2024.**

7. Tidak hanya itu, tahun 2024 juga menyaksikan **kenaikan elaun Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS)** KEMAS daripada RM500 kepada RM800, memberi manfaat kepada **9,400 pembantu TABIKA KEMAS** di seluruh negara. Ini adalah bukti jelas sokongan Kerajaan dalam menghargai usaha gigih KEMAS, sekaligus memastikan kita terus cemerlang dalam menjalankan amanah mendidik generasi akan datang.

8. Satu lagi pencapaian yang membuktikan kesinambungan kejayaan KEMAS ialah peruntukan tambahan yang diberikan dalam Belanjawan 2025 sebanyak **RM1.51 bilion**, iaitu peningkatan sebanyak **RM145.49 juta atau 9.61%** berbanding tahun sebelumnya. (**RM1.36 bilion)**

Lebih bermakna lagi, Program Pra Tahfiz KEMAS yang diperkenalkan telah **menerima peruntukan khusus sebanyak RM20 juta** pada tahun lalu. Ini merupakan langkah penting dalam kita memastikan pendidikan awal anak-anak mempunyai nilai-nilai agama dan akademik yang seimbang.

9. Namun, kejayaan ini tidak seharusnya membuatkan kita leka atau selesa. Kita tidak boleh mendabik dada. Sebaliknya, kita perlu kembali melihat agenda besar KEMAS dalam ruang lingkup yang lebih luas dan strategik.

10. Kita perlu melangkah keluar daripada rutin zon selesa, meninggalkan pendekatan ***"business as usual"****,* dan mengorak langkah ke arah **kemandirian dan keberhasilan jangka panjang.**

11. Saya mahu.. jika kita ingin mencipta generasi muda – biarlah bukan sekadar berilmu, tetapi juga berakhlak mulia dan berminda cemerlang.

    Saya mahu.. jika kita melahirkan usahawan – biarlah bukan sekadar berniaga, tetapi juga dibimbing untuk mencapai kejayaan yang lebih bermakna; dan

    Saya mahu… jika kita ingin membentuk masyarakat – biarlah ia bukan sekadar bertahan terhadap cabaran,

tetapi mampu menyumbang kembali kepada kemakmuran.

12. Inilah aspirasi besar yang saya dambakan untuk KEMAS – sebuah agensi yang bukan hanya mengubah kehidupan masyarakat desa, tetapi juga membina asas yang kukuh untuk masa depan negara.

Mengurus Cabaran, Menggerak Keberhasilan

Hadirin dan hadirat yang saya hormati

13. Saya memahami KEMAS juga berhadapan beberapa cabaran besar. Antaranya ialah **pengurusan sumber kewangan, kekurangan tenaga pengajar terlatih dalam pendidikan kemahiran, dan tahap penglibatan komuniti setempat yang kurang menggalakkan.**

14. **Keterbatasan infrastruktur, pertindihan fungsi** yang membawa kepada pembaziran, serta **ketiadaan data yang tepat** mengenai keperluan masyarakat desa.. menjadi antara halangan utama dalam perancangan program yang berkesan.

15. Justeru, untuk melangkah lebih jauh, **KEMAS perlu memanfaatkan pendekatan Cross-Functional** yang saya sebutkan semasa ucapan Amanat KKDW untuk mencapai matlamat bersama.

16. Sudah tiba masanya untuk KEMAS menggerakkan usaha secara kolektif dengan menghimpunkan kepakaran dan pandangan dari pelbagai pihak untuk menyelesaikan masalah, melaksanakan program serta projek, dan bergerak seiring bagi mencapai objektif yang lebih besar.

17. Di KEMAS, saya ingin melihat **Bahagian Pendidikan Kanak-Kanak, Bahagian Pembangunan Komuniti, dan Bahagian Pendidikan Kemahiran** mempelopori pendekatan ini secara bersama. Ketiga-tiga bahagian ini mempunyai peranan yang amat penting, dan jika peranan tersebut dapat diselaraskan dengan baik, kita mampu membangunkan program yang lebih efektif dan berkesan.

18. Saya ingin melihat KEMAS melakukan anjakan strategik dengan memperkukuh kerjasama bersama komuniti setempat, agensi kerajaan, dan sektor swasta. Sebagai contoh, program **Sahabat Komuniti Desa (SkoD)** bukan sahaja melibatkan penghulu dan ketua kampung - tetapi juga boleh dilibatkan bersama Jawatankuasa

Pembangunan dan Keselamatan Kampung, JPKK dan JPKKP - **yang peranannya boleh dikoordinasikan oleh KEMAS sebaiknya.**

19. Selain itu, inisiatif **Dashboard Komuniti Desa** wajar dimanfaatkan sepenuhnya untuk mempercepatkan akses kepada maklumat penting seperti pertanian, pendidikan, dan latihan keusahawanan.

20. Melalui pendekatan ini, saya yakin KEMAS dapat menguruskan sumber dengan lebih cekap dan seterusnya memacu tindakan ***low cost, high impact*** dalam setiap program yang dilaksanakan.

KE ARAH KEMAS YANG LEBIH MAMPAN DAN BERIMPAK TINGGI

Hadirin dan hadirat sekalian,

21. Saya amat berbangga dengan pencapaian KEMAS, termasuk pelaksanaan program **TABIKA Pra Tahfiz KEMAS** yang berjaya menarik **penyertaan 55,269 kanak-kanak pada tahun lalu.** Ini membuktikan komitmen kita dalam melahirkan generasi Al-Quran yang seimbang sahsiah dan rohaninya.

22. Namun, kita perlu terus mencipta lebih banyak inisiatif berimpak tinggi dan melangkah ke hadapan. Oleh itu, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan oleh KEMAS bagi memastikan keberkesanan yang berterusan :

i. **Pertama, Pelan Transformasi Digital -** Ketika ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta untuk pelaksanaan **Pelan Digital Pendidikan Awal Kanak-Kanak** yang akan memanfaatkan 11,000 TABIKA dan hampir 200,000 pelajar. Ini akan meningkatkan literasi digital sejak usia awal. Jadi, saya mahu KEMAS memperkenalkan **Bootcamp Literasi Digital** melalui kerjasama dengan syarikat teknologi untuk melengkapkan belia luar bandar dengan kemahiran seperti *coding*, pemasaran digital, dan keselamatan siber - sekaligus mengurangkan jurang digital dan memupuk nilai keusahawanan.

ii. Kedua, Pendidikan dan Latihan Kemahiran (TVET) - perlu diperluaskan untuk meningkatkan kemahiran belia, khususnya bagi memenuhi keperluan industri. Sebagai Pengerusi Majlis TVET Negara, kita sedang melahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan, dan saya yakin dengan

TVET KEMAS 2.0 ia mampu memangkin agenda TVET Negara.

iii. **Ketiga,** KEMAS perlu memperkasa **Ekonomi dan Keusahawanan** warga desa dengan memanfaatkan program seperti **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).** Ia boleh ditambah lagi dengan bimbingan dan kerjasama bersama syarikat tempatan bagi membantu penduduk setempat memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

iv. **Keempat,** saya mahu tumpuan terhadap **Tadbir Urus** jentera KEMAS diperkukuhkan agar lebih cekap dan mampan - termasuk penambahbaikan skim penjawatan yang disebutkan oleh Ketua Pengarah sebentar tadi.

v. **Kelima,** kita dalam proses pelaksanaan **Tabika Berkeperluan Khas** atau **TABIKA Autisme** yang akan mula di beroperasi di Melaka – dan saya mahu ia diperluas ke seluruh negara.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

23. Di akhir bicara ini, saya ingin mengingatkan setiap dari kita memikul tanggungjawab yang besar. Kita menggengam amanah untuk membentuk sebuah tamadun bangsa. Peranan kita adalah satu bentuk ibadah yang amat bernilai - *bak menyemai ilmu untuk menuai kemuliaan.* Setiap usaha kecil kita hari ini akan menjadi benih kejayaan untuk generasi akan datang.

24. Saya yakin, dengan komitmen, dedikasi, dan semangat yang tinggi, KEMAS mampu terus menjadi pemangkin kepada **transformasi masyarakat desa** Bersama-sama, kita akan terus membangun, bukan hanya untuk kesejahteraan hari ini, tetapi untuk kemakmuran masa depan yang lebih gemilang.

25. Semoga Allah SWT terus merestui dan mempermudahkan segala usaha kita tahun ini. InsyaAllah.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh